

Pengamalan Ajaran Islam dalam Kalangan Pelajar Politeknik Ungku Omar, Ipoh

The Practice of Islamic Teachings among the Student of Ungku Omar Polytechnic, Ipoh

SERI KARTINI JURAMI
FARIZA MD SHAM

ABSTRAK

Pendidikan Islam bukan sahaja berperanan untuk memberi ilmu pengetahuan ajaran Islam tetapi juga berperanan membentuk peribadi dan tingkah laku pelajar dalam kehidupan sehari-hari. Sebagai kursus yang diwajibkan kepada semua pelajar di Politeknik Ungku Omar, Ipoh (PUO), pelaksanaan kursus tersebut perlu sentiasa dinilai agar ia sentiasa mencapai matlamatnya. Oleh itu, pengamalan ajaran Islam dalam kalangan pelajar di PUO perlu dikaji kerana ia relevan dengan pelaksanaan kursus Pendidikan Islam di institusi berkenaan. Tujuan kajian ini adalah untuk mengkaji tahap pengamalan ajaran Islam dalam kalangan responden kajian dari aspek akidah, ibadah dan akhlak dalam kalangan pelajar PUO. Metodologi kajian yang digunakan ialah kajian lapangan yang menggunakan tiga kaedah pengumpulan data. Pertama, borang kaji selidik yang melibatkan 100 orang responden yang terdiri daripada pelajar Islam semester dua Jabatan Kejuruteraan Awam PUO. Kedua, temu bual yang melibatkan enam orang pensyarah Pendidikan Islam di PUO dan ketiga pemerhatian yang dilakukan oleh pengkaji. Data yang diperolehi daripada borang kaji selidik dianalisis menggunakan perisian SPSS dan dapatan kajian diuraikan dengan menggunakan kaedah statistik deskriptif. Nilai kebolehpercayaan Alpha Cronbach bagi keseluruhan item soalan borang kaji selidik adalah tinggi iaitu 0.923. Hasil kajian mendapatkan tahap pengamalan ajaran Islam dalam kalangan responden dalam semua aspek yang dikaji iaitu akidah = 100.0 peratus, ibadah = 94.0 peratus dan akhlak = 96.0 peratus berada pada tahap yang tinggi. Kesimpulan dapatan kajian ini menunjukkan bahawa tahap pengamalan ajaran Islam dalam kalangan pelajar di PUO adalah baik.

Kata kunci: Amalan; pelajar; Politeknik Ungku Omar; akidah; akhlak

ABSTRACT

Islamic education is not only to provide knowledge of Islam but also builds personal and student behavior in daily life. As the course is compulsory for all students at the Polytechnic, Ipoh (PUO), the implementation of these courses need to be evaluated so that it is achieving its objectives. Therefore, the practice of Islam among students in PUO should be reviewed for its relevance to the implementation of Islamic education courses at these institutions. The purpose of this study is to examine the practice of Islam among respondents in terms of faith, worship and moral development of students in the PUO. The methodology used was a field study using three methods of data collection. First, survey forms involved 100 respondents of Muslim students in second semester from Civil Engineering Department of PUO. Second, interviews involving six Islamic education lecturer in PUO and third observation by the researcher. The data obtained from questionnaires were analyzed using SPSS and results were described using descriptive statistics. Cronbach Alpha Reliability of value for the entire questionnaire items is high, 0923. The study found the practice of Islam among the respondents in all aspects of faith = 100.0 percent, 94.0 percent of religious and moral = 96.0 percent that stood at a high level. As a conclusion, this study shows that the practice of Islam among students in PUO is good.

Keywords: Practice; student; Polytechnic of Ungku Omar; faith, moral

PENGENALAN

Pendidikan Islam bukan sahaja berperanan untuk memberi ilmu pengetahuan tetapi juga berperanan membentuk peribadi dan tingkah laku pelajar dalam kehidupan sehari-hari sesuai dengan ajaran Islam. Sebagai kursus yang diwajibkan kepada semua pelajar Islam di Politeknik Ungku Omar, Ipoh, pelaksanaan kursus tersebut perlu sentiasa dinilai agar ia sentiasa mencapai matlamatnya. Oleh itu, pengamalan ajaran Islam dalam kalangan pelajar di Politeknik Ungku

Omar, Ipoh perlu dikaji kerana ia relevan dengan pelaksanaan kursus Pendidikan Islam di institusi berkenaan.

Kertas kerja ini memaparkan hasil kajian yang dilakukan terhadap pengamalan ajaran Islam dalam kalangan pelajar di Politeknik Ungku Omar, Ipoh. Kajian ini dilakukan untuk mengetahui tahap pengamalan ajaran Islam pelajar di institusi berkenaan dalam aspek akidah, ibadah dan akhlak. Hasil kajian ini dapat memberi input bagi memperkasakan kursus Pendidikan Islam yang dilaksanakan.

PERNYATAAN MASALAH

Dalam kajian ini terdapat dua permasalahan yang dikenal pasti. Pertama, pelajar tidak mengamalkan pelajaran yang dipelajari dalam Pendidikan Islam dalam kehidupan seharian. Kedua, tahap pengamalan ajaran Islam dalam kalangan pelajar di politeknik masih belum mencapai tahap pengamalan yang tinggi.

Pendidikan Islam ialah suatu proses bimbingan dari pendidik terhadap perkembangan jasmani, rohani dan akal pelajar ke arah terbentuknya peribadi muslim yang baik (A. Mustafa 1999: 11). Menurut Zakiah Daradjat (1992: 28), Pendidikan Islam adalah pembentukan peribadi Muslim yang merupakan pendidikan iman dan amal. Mata pelajaran Pendidikan Islam adalah satu mata pelajaran yang bersifat hidup merangkumi semua aspek kehidupan manusia. Ia bukanlah satu subjek yang wajib semata-mata tetapi yang lebih utama adalah untuk membentuk peribadi insan (Zaharah 1997: 133-134). Berdasarkan realiti yang berlaku sekarang, pelajar tidak mengamalkan sepenuhnya teori yang dipelajari dalam Pendidikan Islam dalam kehidupan seharian. Menurut Mohd @ Mohamed (2000: 5) pelajar masih gagal menterjemahkan teori agama yang dipelajari dan difahami menjadi sesuatu yang praktikal dan amalan hidup. Malah sesetengah pelajar cuba mengelakkan diri dari ajaran agama dan penghayatan Islam dalam kalangan pelajar semakin longgar (Fauzi 2003: 4).

Beberapa kajian yang telah dilakukan di peringkat Institusi Pengajian Tinggi (IPT) mendapatkan pengamalan ajaran Islam dalam kalangan pelajar di peringkat tersebut masih ditahap yang lemah. Kajian Mohd @ Mohamed (2000: 5) mengemukakan kelemahan aspek penghayatan Islam dalam kalangan pelajar di Institusi Pengajian Tinggi Swasta merupakan fenomena yang cukup ketara. Kajian yang dilakukan oleh Ahmad Diniah (1995: 233-237) mendapatkan para pelatih kurang menghayati nilai-nilai akhlak terhadap Allah SWT, diri sendiri dan dalam masyarakat. Manakala kajian Alias (2010) yang dilakukan di politeknik mendapatkan pengamalan akidah pelajar di politeknik berada pada tahap yang tinggi, tetapi tahap pengamalan ibadah dan akhlak berada pada tahap yang sederhana. Ini menunjukkan keberkesanan Pendidikan Islam yang dilaksanakan di politeknik masih belum mencapai tahap keberkesanan yang tinggi dalam aspek pengamalan. Oleh itu, kajian perlu dilakukan kembali untuk melihat keberkesanan kursus Pendidikan Islam yang dilaksanakan di politeknik.

Permasalahan yang dinyatakan di atas turut menjadi fenomena di Politeknik Ungku Omar, Ipoh, Perak. Menurut Rafidah binti Ahmad (2011),

Ketua Kursus Pendidikan Islam dan Moral, Jabatan Pengajian Am, PUO, pengamalan ajaran Islam dalam kalangan pelajar PUO adalah lemah. Terdapat ramai pelajar yang mengakui mereka tidak menunaikan solat fardhu. Pengetua Asrama PUO, Mohd Syukri (2011) turut menyatakan terdapat pelajar yang masih bermasalah dalam memahami konsep berpakaian mengikut Islam. Menurutnya lagi, sebilangan kecil sahaja pelajar asrama yang menunaikan solat secara berjemaah dan masih terdapat pelajar lelaki yang tidak menunaikan solat Jumaat. Kajian Shamshuddin (1990: 144 & 147) yang telah dilakukan 21 tahun lepas mendapati pencapaian matlamat pendidikan Islam di PUO belum memuaskan. Kajian beliau mendapati 58% responden kurang berminat terhadap kursus Pendidikan Islam dan hanya 62% daripada responden menguasai pengetahuan asas agama Islam. Oleh itu, kajian perlu dilakukan untuk mengetahui sejauh mana keseriusan masalah pengamalan ajaran Islam dalam kalangan pelajar di institusi berkenaan. Kajian seumpama ini turut penting kerana menurut Asmahan (2009: 2), pengamalan ajaran Islam daripada aspek akidah, ibadah dan akhlak dalam kalangan remaja politeknik merupakan pemangkin dalam usaha menangani masalah sosial di institusi berkenaan.

Dalam usaha memperkasakan kursus Pendidikan Islam khususnya dalam membimbing pelajar Politeknik Ungku Omar, Ipoh dalam aspek pengamalan ajaran Islam, kajian dari masa ke semasa perlu dilakukan untuk mengetahui sejauh mana tahap pengamalan ajaran Islam dalam kalangan pelajar di institusi berkenaan. Dalam hal ini, Ahmad Munawar (2009: 2) menyatakan, mata pelajaran Pendidikan Islam daripada segenap sudut perlu sentiasa dikemaskinikan dari masa ke semasa sehingga ia mampu menjadi benteng dan asas kepada jati diri pelajar-pelajar Islam di Malaysia.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dilakukan bagi mengkaji tahap pengamalan ajaran Islam dalam kalangan pelajar di Politeknik Ungku Omar, Ipoh dalam aspek akidah, ibadah dan akhlak.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian lapangan yang dilakukan di Politeknik Ungku Omar, Ipoh. Politeknik tersebut dipilih sebagai lokasi kajian kerana ia merupakan politeknik pertama yang wujud di Malaysia. Justeru

politeknik ini telah mempunyai pengalaman dan sistem pengajaran yang lama berbanding dengan politeknik-politeknik lain di Malaysia. Kaedah persampelan yang digunakan adalah persampelan bertujuan dan melibatkan 100 orang responden yang terdiri daripada pelajar Islam semester dua Jabatan Kejuruteraan Awam Politeknik Ungku Omar, Ipoh.

Tiga instrumen pengumpulan data telah digunakan dalam kajian ini. Pertama, instrumen borang kaji selidik yang berbentuk soalan tertutup. Item-item soalan dibina berdasarkan kepada tinjauan literatur dan menggunakan skala *Likert* lima peringkat. Kedua, instrumen temu bual semi-struktur yang melibatkan enam orang pensyarah Pendidikan Islam di Politeknik Ungku Omar, Ipoh dan ketiga instrumen pemerhatian yang dilakukan oleh pengkaji.

Data yang diperolehi daripada borang kaji selidik dianalisis menggunakan perisian SPSS dan dapatkan kajian dihuraikan dengan menggunakan kaedah statistik deskriptif. Data dianalisis untuk mengetahui tahap pengamalan ajaran Islam yang dikaji iaitu akidah, ibadah dan akhlak serta mengetahui tahap keseluruhan pengamalan ajaran Islam dalam kalangan responden. Tiga aras untuk mengkategorikan tahap telah digunakan iaitu aras tinggi, sederhana dan rendah. Kaedah penentuan tahap ini adalah berdasarkan alat ukuran *Islamic Practice Instrument* (IPI) yang telah dikemukakan oleh panel kumpulan penyelidik Fakulti Pengajian Islam UKM (Fariza Md Sham et al. 2011: 30). Jadual 1 di bawah memaparkan julat skor berserta kategori tahap pengamalan ajaran Islam yang dikaji.

JADUAL 1. Penentuan Tahap Pengamalan Ajaran Islam

Komponen	Julat Skor	Aras
Akidah, Ibadah dan Akhlak	55-75	Tinggi
	35-54	Sederhana
	15-34	Rendah
Keseluruhan	166-225	Tinggi
	106-165	Sederhana
	45-105	Rendah

Sumber: Soal Selidik 2011

Kajian rintis telah dilakukan ke atas 30 orang pelajar Islam semester dua, Jabatan Kejuruteraan Mekanikal, Politeknik Ungku Omar, Ipoh dan mereka dipilih secara *convenience*. Nilai kebolehpercayaan *Alpha Cronbach* bagi pengamalan akidah ialah 0.801, pengamalan ibadah ialah 0.890 dan pengamalan akhlak ialah 0.821. Nilai kebolehpercayaan *Alpha Cronbach* bagi keseluruhan item soalan borang kaji selidik adalah tinggi iaitu 0.923.

TINJAUAN LITERATUR

Sepanjang penelitian pengkaji, terdapat beberapa buah kajian yang berkaitan dengan kajian ini antaranya kajian yang dilakukan oleh Alias (2010) yang bertajuk *Penilaian Pelaksanaan Kurikulum Pendidikan Islam Politeknik Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia*. Kajian beliau (2010: 260) mendapatkan tingkah laku pelajar Politeknik dari aspek akidah berada pada tahap tinggi, manakala tingkah laku ibadah dan akhlak pada tahap sederhana.

Kajian yang dilakukan oleh Asmahan (2009) bertajuk *Pengamalan Ajaran Islam di Kalangan Remaja Politeknik Sultan Azlan Shah, Behrang, Perak*. Kajian beliau berkenaan pengamalan ajaran Islam difokuskan dalam aspek akidah, ibadah dan akhlak. Hasil kajian beliau (2009: 88) mendapatkan tahap pengamalan ajaran Islam dalam kalangan responden kajian berada pada tahap yang tinggi bagi setiap aspek yang dikaji. Dalam aspek akidah, 54.2 peratus berada pada tahap tinggi, 16.7 peratus berada pada tahap sederhana dan 29.1 peratus berada pada tahap rendah. Dalam aspek ibadah, 58.4 peratus pelajar berada pada tahap tinggi, 8.3 peratus pelajar pada tahap sederhana dan 33.3 peratus pada tahap rendah. Dalam aspek akhlak, 62.5 peratus berada pada tahap tinggi, 16.7 peratus berada pada tahap sederhana dan 20.8 peratus berada pada tahap rendah.

Manakala kajian berkenaan kursus Pendidikan Islam di Politeknik Ungku Omar telah dilakukan yang meninjau kurikulum Pendidikan Islam dalam aspek pencapaian matlamat. Kajian ini dilakukan oleh Shamshuddin (1990) yang bertajuk *Kursus Pendidikan Islam di Politeknik Ungku Omar : Satu Tinjauan Kurikulum ke Arah Pencapaian Matlamat*. Kajian ini menilai tahap pencapaian matlamat Pendidikan Islam di peringkat Politeknik Ungku Omar yang antaranya menumpukan kepada sikap pelajar terhadap kursus Pendidikan Islam yang diwajibkan dan menilai sejauh mana pengetahuan asas agama Islam di kalangan pelajar. Antara hasil dapatan kajiannya (1990: 186) mendapatkan pencapaian matlamat Pendidikan Islam di PUO tidak memuaskan, beliau (1990: 174) juga mendapatkan peratus pelajar yang bersikap negatif lebih tinggi berbanding pelajar yang bersikap positif terhadap kursus tersebut yang menunjukkan ramai pelajar PUO kurang berminat terhadap kursus tersebut. Beliau (1990: 170) merumuskan 58.0 peratus responden kurang berminat terhadap kursus Pendidikan Islam yang ada. Manakala dalam aspek pengetahuan asas pelajar dalam ajaran Islam masih di tahap sederhana (1990: 175). Hasil kajian mendapatkan hanya 62.0 peratus daripada responden menguasai pengetahuan asas agama Islam (1990: 170).

Terdapat juga kajian lain yang mengkaji kurikulum Pendidikan Islam di peringkat politeknik Malaysia yang dikaji oleh Ahmad Mohd Salleh (1990) bertajuk *Kurikulum Pendidikan Islam di Politeknik-Politeknik Malaysia: Satu Analisis*. Kajian ini menganalisis kurikulum Pendidikan Islam di peringkat politeknik Malaysia. Hasil daptan kajian beliau (1990: 325) mendapati kurikulum yang dilaksanakan ketika itu mencapai objektifnya kerana 90.0 peratus responden memahami pengajaran yang disampaikan dan 68.6 peratus responden menyatakan Pendidikan Islam sebagai kursus yang paling diminati serta 96.2 peratus responden menyatakan sukaan pelajaran kursus tersebut sangat sesuai dengan kebolehan pelajar dan tidak perlu dipinda.

HASIL KAJIAN

Hasil kajian yang diperolehi adalah seperti berikut:

PENGAMALAN AKIDAH RESPONDEN

Jadual 2 menunjukkan respon yang diberikan oleh responden terhadap pengamalan ajaran Islam dalam aspek akidah. Skor min yang paling tinggi ialah 5.00 yang menunjukkan skor min maksimum manakala skor min yang paling rendah ialah 4.22. Secara keseluruhannya semua item mempunyai skor min di atas paras 4.00 yang menunjukkan skor min setiap item berada pada tahap yang tinggi.

JADUAL 2. Pengamalan Akidah Responden

Bil	Item	STB K %	TB K %	TP K %	B K %	SB K %	Min
1	Saya mengakui Allah SWT itu ada	—	—	—	—	100	5.00
2	Saya dapat mengucapkan dua kalimah syahadah	—	—	—	—	100	5.00
3	Saya ada perasaan takut untuk melakukan perkara yang dilarang Allah	—	—	1 1.0	17 17.0	82 82.0	4.81
4	Apabila dalam kesusahan saya akan segera berdoa kepada Allah	—	1 1.0	—	12 12.0	87 87.0	4.85
5	Saya sentiasa berhati-hati kerana malaikat akan mencatat setiap amalan saya	—	1 1.0	6 6.0	29 29.0	64 64.0	4.56
6	Saya menjadikan Nabi Muhammad sebagai ‘role model’ dalam kehidupan saya	—	—	3 3.0	20 20.0	77 77.0	4.74
7	Membaca kisah sejarah Nabi Muhammad akan menambahkan rasa cinta saya kepada baginda	—	—	1 1.0	16 16.0	83 83.0	4.82
8	Membaca al-Quran dapat memberi ketenangan kepada jiwa saya	—	—	—	12 12.0	88 88.0	4.88
9	Saya sentiasa mengharapkan rahmat Allah	1 1.0	—	2 2.0	11 11.0	86 86.0	4.81
10	Saya sentiasa berusaha untuk mendapat kejayaan.	—	—	2 2.0	14 14.0	84 84.0	4.82
11	Saya sentiasa berwaspada dari melakukan perkara yang bertentangan dengan syarak			7 7.0	31 31.0	62 62.0	4.55
12	Saya tidak suka melihat lelaki dan wanita keluar berduaan tanpa mahram	1 1.0	1 1.0	23 23.0	25 25.0	50 50.0	4.22
13	Saya sentiasa memohon kepada Allah agar mengampunkan segala dosa saya	—	—	2 2.0	9 9.0	89 89.0	4.87
14	Saya berpuasa Ramadhan kerana saya yakin akan berdosa apabila meninggalkannya	—	—	1 1.0	9 9.0	90 90.0	4.89
15	Saya akan merasa tenang apabila dapat menunaikan solat fardhu	—	—	2 2.0	6 6.0	92 92.0	4.90

STB: Sangat Tidak Bersetuju. TB: Tidak Bersetuju. TP: Tidak Pasti. B:Bersetuju. SB: Sangat Bersetuju. K: Kekerapan. N = 100

Sumber: Soal Selidik 2011

Analisis tahap pengamalan akidah responden yang dilakukan terdapat dalam Jadual 3. Dapatkan kajian mendapati, semua responden iaitu 100.0 peratus responden berada pada tahap skor pengamalan akidah yang tinggi. Dapatkan ini menunjukkan semua (100%) responden mempunyai tahap pengamalan ajaran Islam dalam aspek akidah yang baik. Dapatkan ini disokong dengan dapatkan kajian temu bual yang dilakukan. Menurut semua pensyarah yang ditemu bual, tidak terdapat pelajar PUO yang melakukan perkara yang boleh membantalkan akidah.

PENGAMALAN IBADAH RESPONDEN

Dapatkan kajian berkenaan pengamalan ibadah responden dipaparkan dalam Jadual 4 di bawah.

JADUAL 3. Taburan Tahap Pengamalan Akidah Responden

	Tahap	Skor	N	Peratus
Akidah	Tinggi	55-75	100	100.0
	Sederhana	35-54	—	—
	Rendah	15-34	—	—
		Jumlah	100	100.0

Sumber: Soal Selidik 2011

Skor min paling rendah ialah 3.81 manakala skor min paling tinggi ialah 4.79 dan semua item berada pada tahap skor min yang tinggi.

JADUAL 4. Pengamalan Ibadah Responden

Bil	Item	STB K %	TB K %	TP K %	B K %	SB K %	Min
1	Saya menuaikan solat fardhu lima waktu setiap hari	—	2 2.0	23 23.0	33 33.0	42 42.0	4.15
2	Saya menuaikan solat lima waktu di mana sahaja saya berada	1 1.0	3 3.0	23 23.0	36 36.0	37 37.0	4.05
3	Saya mengerjakan solat fardhu di awal waktu	—	6 6.0	32 32.0	37 37.0	25 25.0	3.81
4	Saya tidak akan meninggalkan sembahyang fardhu apabila kesuntukan waktu untuk menghadiri kelas	3 3.0	3 3.0	24 24.0	32 32.0	38 38.0	3.99
5	Saya berpuasa di bulan Ramadhan	1 1.0	—	1 1.0	15 15.0	83 83.0	4.79
6	Saya tidak pernah ‘ponteng’ puasa Ramadhan tanpa keuzuran	2 2.0	2 2.0	9 9.0	19 19.0	68 68.0	4.49
7	Saya akan memastikan zakat fitrah saya dibayar	—	1 1.0	6 6.0	19 19.0	74 74.0	4.66
8	Saya akan mandi wajib bila keluar tanda-tanda hadas besar	1 1.0	1 1.0	3 3.0	10 10.0	85 85.0	4.77
9	Saya akan berdoa kepada Allah setiap kali selepas solat	—	—	4 4.0	14 14.0	82 82.0	4.78
10	Saya selalu melakukan perkara-perkara sunat yang boleh memberi pahala kepada saya. (cth: solat dan puasa sunat, sedekah, zikir, membaca al-Quran, dll)	—	1 1.0	8 8.0	28 28.0	63 63.0	4.53
11	Saya sentiasa memastikan makanan yang saya makan adalah halal	—	—	5 5.0	14 14.0	81 81.0	4.76
12	Saya sentiasa menutup aurat sebagaimana yang diwajibkan di mana sahaja saya berada	—	1 1.0	14 14.0	26 26.0	59 59.0	4.43
13	Saya tidak suka melihat rancangan televisyen yang mendedahkan aurat	1 1.0	2 2.0	26 26.0	25 25.0	46 46.0	4.13
14	Saya akan membaca ‘Bismillah’ sebelum saya makan	—	—	6 6.0	20 20.0	74 74.0	4.68
15	Saya berusaha untuk mendalami hukum-hakam Islam dengan lebih baik	—	—	4 4.0	24 24.0	72 72.0	4.68

STB: Sangat Tidak Bersetuju. TB: Tidak Bersetuju. TP: Tidak Pasti. B:Bersetuju. SB: Sangat Bersetuju. K: Kekerapan. N = 100

Sumber: Soal Selidik 2011

Dalam konteks kajian ini, amalan ibadah wajib yang diutarkan adalah yang menjadi kewajipan dalam kehidupan sehari-hari sebagai seorang pelajar Muslim iaitu solat fardhu, puasa pada bulan Ramadhan, mengeluarkan zakat, bersuci dari hadas dan menutup aurat. Dapatkan kajian terhadap ibadah wajib yang dikemukakan tersebut mendapat masih terdapat responden yang tidak melakukan ibadah ibadah wajib tersebut. Dapatkan kajian terhadap kewajipan solat fardhu mendapat, hanya 42 orang responden (42%) sahaja yang sentiasa menunaikan solat fardhu, 37 orang (37%) responden sahaja yang sentiasa akan melakukan solat fardhu walau di mana sahaja mereka berada dan 38 orang (38%) responden sahaja yang tidak akan meninggalkan solat fardhu walaupun kesuntukan masa untuk menghadiri kelas. Manakala kewajipan ibadah puasa pada bulan Ramadhan, dapatkan kajian menunjukkan 83 orang (83%) responden yang sentiasa melakukan puasa di bulan Ramadhan dan 68 orang (68%) responden yang tidak pernah ‘ponteng’ atau sengaja meninggalkan ibadah wajib tersebut. Dapatkan kajian terhadap kewajipan membayar zakat, memaparkan 74 orang (74%) responden yang sentiasa memastikan menunaikan zakat fitrah. Dapatkan kajian terhadap kewajipan bersuci, menunjukkan 85 orang (85%) responden yang sentiasa akan bersuci dari hadas besar. Manakala dapatkan kajian terhadap kewajipan menutup aurat, mendapat 59 orang (59%) responden sahaja yang sentiasa menutup aurat walau di mana sahaja mereka berada.

Dapatkan kajian di atas juga menunjukkan tidak sampai 45.0 peratus responden yang melakukan solat fardhu dengan konsisten. Dapatkan ini disokong oleh dapatan temu bual yang dilakukan. Menurut semua pensyarah yang ditemu bual, ramai pelajar PUO yang tidak menunaikan solat fardhu lima kali sehari. Seorang pensyarah yang ditemu bual menyatakan, jumlah pelajar yang tidak menunaikan solat lima waktu sehari adalah lebih ramai berbanding dengan pelajar yang konsisten melakukan solat lima waktu tersebut. Berdasarkan pemerhatian yang dilakukan pada waktu rehat sesi pembelajaran iaitu pada pukul 1.15 hingga 2.15 petang di Pusat Islam PUO, didapati terdapat ramai pelajar perempuan yang berada di Pusat Islam pada waktu tersebut, terdapat pelajar yang solat zohor dan berehat. Manakala pelajar lelaki tidak ramai berada di Pusat Islam pada waktu tersebut. Pelajar juga didapati ramai pulang ke asrama atau rumah sewa pada waktu tersebut. Menurut Azhar (2006: 226) generasi remaja pada hari ini sedang menghadapi masalah besar dalam menunaikan kewajipan atas mereka sebagai seorang Muslim.

Analisis terhadap tahap keseluruhan pengamalan ibadah responden pula adalah seperti dalam Jadual 5. Dapatkan kajian mendapat, 94 orang iaitu 94.0 peratus responden berada pada tahap pengamalan ibadah yang tinggi, 6 orang iaitu 6.0 peratus responden berada pada tahap pengamalan ibadah yang sederhana dan tiada iaitu 0.0 peratus responden yang berada pada tahap pengamalan ibadah yang rendah. Ini menunjukkan secara keseluruhan tahap pengamalan ibadah majoriti (94%) responden adalah baik. Dapatkan kajian ini menunjukkan walaupun 94.0 peratus responden berada pada tahap pengamalan ibadah yang tinggi, namun pengamalan ibadah solat fardhu dalam kalangan majoriti responden belum lagi diamalkan dengan sepenuhnya.

JADUAL 5. Taburan Tahap Pengamalan Ibadah Responden

	Tahap	Skor	N	Peratus
Ibadah	Tinggi	55-75	94	94.0
	Sederhana	35-54	6	6.0
	Rendah	15-34	—	—
Jumlah		94	100	6

Sumber: Soal Selidik 2011

PENGAMALAN AKHLAK RESPONDEN

Dapatkan kajian mengenai pengamalan akhlak responden adalah seperti dalam Jadual 6. Skor min tertinggi ialah 4.69 dan skor min terendah ialah 4.18. Ini menunjukkan skor min setiap item berada pada tahap min yang tinggi.

Analisis terhadap tahap pengamalan akhlak yang dilakukan adalah merujuk kepada Jadual 7. Dapatkan kajian terhadap tahap pengamalan akhlak responden menunjukkan 96.0 peratus yang mewakili 96 orang responden adalah berada pada skor tahap tinggi dan hanya 4.0 peratus yang mewakili 4 orang responden berada pada tahap pengamalan akhlak yang sederhana. Manakala tiada seorang responden iaitu 0.0 peratus yang berada pada tahap pengamalan akhlak yang rendah. Dapatkan ini selari dengan dapatan temu bual yang dilakukan. Menurut semua pensyarah yang ditemu bual, secara keseluruhan akhlak pelajar dengan pensyarah adalah baik. Walaupun terdapat pelajar yang melakukan perkara yang bertentangan dengan nilai akhlak Islam, tetapi jumlah mereka tidak ramai.

JADUAL 6. Pengamalan Akhlak Responden

Bil	Item	STB	TB	TP	B	SB	Min
		K %	K %	K %	K %	K %	
1	Saya mencari keredhaan Allah dengan berbuat baik sesama manusia	—	—	5 5.0	23 23.0	72 72.0	4.67
2	Apabila saya mendengar seseorang berselawat ke atas Nabi, saya akan segera menjawab selawat tersebut.	—	—	4 4.0	26 26.0	70 70.0	4.66
3	Saya sentiasa menjaga tutur kata bila berbicara dengan ibu bapa saya	—	—	3 3.0	25 25.0	72 72.0	4.69
4	Saya sentiasa mengucapkan salam apabila bertemu dengan guru	—	1 1.0	7 7.0	25 25.0	67 67.0	4.58
5	Saya akan segera membantu orang yang dalam kesusahan	—	—	4 4.0	30 30.0	66 66.0	4.62
6	Saya sentiasa menjaga tingkah laku saya agar tidak menyinggung perasaan orang lain	—	—	8 8.0	33 33.0	59 59.0	4.51
7	Saya berlapang dada menerima teguran orang lain yang memperbetulkan kesalahan saya	—	—	6 6.0	30 30.0	64 64.0	4.58
8	Saya tidak mudah marah dalam situasi yang tidak menyenangkan	—	1 1.0	14 14.0	28 28.0	57 57.0	4.41
9	Saya suka penampilan yang sopan	—	—	5 5.0	29 29.0	66 66.0	4.61
10	Apabila saya memberi atau membantu seseorang saya tidak mengharapkan sebarang balasan	1 1.0	—	5 5.0	29 29.0	65 65.0	4.57
11	Saya tidak akan mengambil barang orang tanpa meminta kebenaran terlebih dahulu.	—	—	7 7.0	29 29.0	64 64.0	4.57
12	Saya tidak gembira apabila keluar berduaan bersama kekasih saya	3 3.0	1 1.0	22 22.0	23 23.0	51 51.0	4.18
13	Jika kawan saya meminjam wang daripada saya, adalah tidak wajar saya meminta beliau membayar lebih daripada jumlah wang yang dipinjam	2 2.0	—	5 5.0	26 26.0	67 67.0	4.56
14	Saya akan segera meminta maaf sekiranya melakukan kesalahan	—	1 1.0	5 5.0	30 30.0	64 64.0	4.57
15	Saya sentiasa berkata benar	1 1.0	1 1.0	14 14.0	25 25.0	59 59.0	4.40

STB: Sangat Tidak Bersetuju. TB: Tidak Bersetuju. TP: Tidak Pasti. B: Bersetuju. SB: Sangat Bersetuju. K: Kekerapan. N = 100

Sumber: Soal Selidik 2011

JADUAL 7. Taburan Tahap Pengamalan Akhlak Responden

	Tahap	Skor	N	Peratus
Akhlak	Tinggi	55-75	96	96.0
	Sederhana	35-54	4	4.0
	Rendah	15-34	—	—
Jumlah		100	100.0	

Sumber: Soal Selidik 2011

TAHAP KESELURUHAN PENGAMALAN AJARAN ISLAM RESPONDEN

Hasil analisis yang dilakukan terhadap tahap keseluruhan pengamalan ajaran Islam yang dikaji iaitu akidah, ibadah dan akhlak adalah ditunjukkan dalam Jadual 8 di bawah. Dapatkan kajian mendapati 98.0 peratus responden mendapat skor pada tahap pengamalan ajaran Islam yang tinggi dan hanya 2.0 peratus responden mendapat skor pada tahap yang sederhana. Manakala tiada seorang responden iaitu

0.0 peratus yang berada pada tahap pengamalan ajaran Islam yang rendah. Ini bererti tahap pengamalan ajaran Islam secara keseluruhan dalam tiga aspek yang dikaji iaitu akidah, ibadah dan akhlak dalam kalangan majoriti (98%) responden adalah baik.

JADUAL 8. Taburan Tahap Pengamalan Ajaran Islam Responden

	Tahap	Skor	N	Peratus
Pengamalan Keseluruhan Ajaran Islam	Tinggi	166-225	98	98.0
	Sederhana	106-165	2	2.0
	Rendah	45-105		
Jumlah		100	100.0	

Sumber: Soal Selidik 2011

Dapatan temu bual terhadap tahap keseluruhan pengamalan ajaran Islam dalam kalangan pelajar PUO ialah dua orang pensyarah mengatakan ‘o.k.’, seorang pensyarah berpendapat pada tahap sederhana, seorang lagi pensyarah menyatakan masih boleh diterima, manakala seorang pensyarah berpendapat pengamalan ajaran Islam dalam kalangan pelajar rendah dan ada kekurangan dan seorang lagi pensyarah tidak dapat memberi kepastian. Melalui pemerhatian yang dilakukan oleh pengkaji di sekitar kawasan kampus PUO, pengamalan ajaran Islam dalam kalangan pelajar adalah baik dan tidak terdapat pelajar yang melakukan perkara yang bertentangan dengan ajaran Islam secara terbuka.

CADANGAN

Dalam kertas kerja ini, beberapa cadangan dikemukakan kepada pihak yang terlibat secara langsung dalam membentuk pengamalan ajaran Islam dalam kalangan pelajar dan seterusnya memperkasakan kursus Pendidikan Islam yang dilaksanakan di PUO. Cadangan-cadangan yang dikemukakan adalah seperti berikut:

BAHAGIAN PEMBANGUNAN DAN PENILAIAN KURIKULUM JPPKPTM

Adalah dicadangkan agar sukatan pelajaran Pendidikan Islam yang dilaksanakan di politeknik lebih menekankan perkara fardhu dalam kehidupan seharian. Manakala skema pemarkahan kursus Pendidikan Islam diperbanyak kepada amali. Pentaksiran berbentuk amali bersesuaian dengan matlamat Pendidikan Islam untuk membentuk pengamalan ajaran Islam dalam kalangan pelajar dan

sesuai kepada pelajar aliran teknik yang lebih banyak didedahkan kepada pengajaran dan pembelajaran secara praktikal. Di samping itu, dicadangkan aspek sahsiah dijadikan sebagai skema pemarkahan kerana matlamat Pendidikan Islam bukan sahaja untuk melahirkan pelajar yang berilmu dan beramal tetapi juga untuk membentuk akhlak pelajar sesuai dengan akhlak Islam. Pentaksiran Pendidikan Islam dicadangkan bukan sahaja untuk mengukur dari aspek pengetahuan sahaja yang telah dilalui pelajar sejak di peringkat sekolah menengah, tetapi yang lebih utama adalah sebagai alat peneguhan kepada pelajar untuk mengamalkan ajaran Islam yang dipelajari dan seterusnya mengelakkan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam yang hanya berorientasikan kepada peperiksaan.

PENTADBIR DAN PENGURUSAN PUO

Bagi meningkatkan lagi pengamalan ajaran Islam dalam kalangan pelajar PUO, dicadangkan agar pihak pentadbir dan pengurusan PUO mewujudkan suasana atau ‘biah’ yang menjurus kepada penghayatan Islam. Ini boleh dilakukan dengan memperbanyak aktiviti atau program berunsur kepada syiar Islam dan dalam masa yang sama tidak mengadakan program-program yang bertentangan dengan nilai dan ajaran Islam. Di samping itu persekitaran kampus dan asrama PUO juga boleh dipaparkan dengan papan tanda, banner, poster, ‘banting’ atau seumpamanya yang boleh memberi kesedaran dan menggalakkan pengamalan ajaran Islam kepada seluruh warga institusi berkenaan. Ini secara langsung akan mewujudkan suasana ke arah penghayatan ajaran Islam yang boleh mendorong pelajar untuk mengamalkan ajaran Islam dalam kehidupan seharian.

Pihak pentadbir dan pengurusan PUO juga perlu sentiasa menyelaraskan tenaga pengajar Pendidikan Islam agar mencukupi dan seiring dengan pertambahan jumlah pelajar. Jumlah pensyarah Pendidikan Islam yang tidak mencukupi akan membebankan pensyarah tersebut mengajar lebih masa dari yang sepatutnya dan akan memberi kesan kepada keberkesanan kursus Pendidikan Islam. Masa yang terhad menjadi kekangan kepada pensyarah Pendidikan Islam untuk menumpukan tugas mendidik yang sewajarnya dilakukan.

PENSYARAH PENDIDIKAN ISLAM

Pensyarah Pendidikan Islam perlu sentiasa menekankan pelaksanaan menunaikan solat fardhu kepada pelajar dalam sesi pengajaran mereka. Di

samping itu, pensyarah Pendidikan Islam disarankan meningkatkan ilmu dakwah dan kaunseling untuk membantu menyampaikan pengajaran, membimbing dan mendekati pelajar. Pensyarah juga digalakkan memainkan peranan sebagai fasilitator kepada pelajar untuk membimbing pelajar mengamalkan ajaran Islam dalam kehidupan sehari-hari. Seterusnya pensyarah Pendidikan Islam adalah disarankan melaksanakan pendekatan nilai Islam merentas kurikulum yang diterapkan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran. Ini bererti pensyarah Pendidikan Islam akan sentiasa menerapkan nilai-nilai Islam kepada pelajar dalam sesi pengajaran dan pembelajaran mereka. Pensyarah Pendidikan Islam juga perlu menjadi contoh terbaik dalam pengamalan ajaran Islam serta mengikhaskan diri dalam menyampaikan ajaran Islam dan mendidik pelajar.

PELAJAR

Pelajar perlu sentiasa mempertingkatkan amalan ajaran Islam khususnya amalan wajib dalam diri dari masa ke semasa dan membina jati diri agar tidak mudah terpengaruh dengan unsur-unsur negatif yang bertentangan dengan nilai dan ajaran Islam. Tanpa usaha pelajar, pengamalan ajaran Islam dalam kalangan mereka tidak dapat ditingkatkan dan kursus Pendidikan Islam yang dilaksanakan di PUO tidak mencapai seperti yang diharatkannya.

KESIMPULAN

Hasil kajian mendapati tahap pengamalan ajaran Islam dalam kalangan responden berada pada tahap yang tinggi bagi setiap aspek yang dikaji. Dalam akidah, kajian ini mendapati semua responden (100%) berada pada tahap pengamalan akidah yang tinggi manakala dalam aspek ibadah, 94.0 peratus responden berada pada tahap pengamalan ibadah yang tinggi dan 6.0 peratus responden berada pada tahap pengamalan ibadah yang sederhana. Dalam aspek akhlak, kajian ini mendapati 96.0 peratus responden berada pada tahap pengamalan akhlak yang tinggi dan 4.0 peratus responden berada pada tahap pengamalan ibadah yang sederhana. Tiada seorang responden yang berada pada tahap yang rendah dalam semua aspek pengamalan akidah, ibadah atau akhlak.

Manakala tahap keseluruhan pengamalan ajaran Islam dalam ketiga-tiga aspek yang dikaji iaitu akidah, ibadah dan akhlak ialah 98.0 peratus responden berada pada tahap pengamalan ajaran Islam yang tinggi dan hanya 2.0 peratus sahaja responden yang

berada pada tahap pengamalan ajaran Islam yang sederhana. Ini selaras dengan dapatan temu bual yang mendapati bahawa pengamalan ajaran Islam dalam kalangan pelajar PUO adalah masih boleh diterima. Namun dapatan kajian soal selidik mendapati terdapat ramai pelajar yang tidak konsisten melakukan solat fardhu. Ini diakui oleh semua pensyarah yang ditemu bual yang menyatakan ramai pelajar PUO yang tidak menunaikan solat fardhu lima kali sehari. Walau bagaimanapun dalam pengamalan ibadah selain solat, dapatan kajian mendapati masih ramai pelajar yang mengamalkannya. Dapat disimpulkan bahawa secara keseluruhannya, tahap pengamalan ajaran Islam dalam kalangan responden kajian adalah tinggi dan ini menunjukkan tahap pengamalan ajaran Islam dalam kalangan pelajar PUO adalah baik.

Secara umumnya, dapatan kajian menunjukkan kursus Pendidikan Islam yang dilaksanakan di PUO berjaya membimbing pelajar mengamalkan ajaran Islam dalam kehidupan sehari-hari. Kajian ini diharapkan boleh dijadikan rujukan dan garis panduan untuk merancang dasar untuk penambahbaikan kursus tersebut dari masa ke semasa dan seterusnya memperkasakan lagi kursus Pendidikan Islam yang dilaksanakan khususnya di PUO.

RUJUKAN

- A. Mustafa. 1999. *Sejarah Pendidikan Islam di Indonesia*. Bandung: CV Pustaka Setia.
- Abdul Mubarak Jaafar. 2011. Pengamalan Ajaran Islam dalam Kalangan Pelajar di Politeknik Ungku Omar, Ipoh. Temu bual, 30 Jun.
- Ahmad Diniah Hj. Ihsan. 1995. Penghayatan Nilai Akhlak dalam Pendidikan Islam di Kalangan Pelatih-pelatih Islam Maktab Perguruan Teknik (MPT) Kuala Lumpur. Tesis Sarjana. Fakulti Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ahmad Mohd Salleh. 1990. Kurikulum Pendidikan Islam di Politeknik-Politeknik Malaysia: Satu Analisis. Tesis Sarjana. Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.
- Ahmad Munawar Ismail. 2009. Pengaruh Akidah terhadap Penghayatan Akhlak Pelajar-pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan di Malaysia. Tesis Dr. Fal. Fakulti Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Alias Mat Saad. 2010. Penilaian Pelaksanaan Kurikulum Pendidikan Islam Politeknik Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. Tesis Dr. Fal. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Asmahan Mokhtar. 2009. Pengamalan Ajaran Islam di Kalangan Remaja Politeknik Sultan Azlan Shah, Behrang, Perak. Tesis Sarjana. Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Azhar Ahmad. 2006. Strategi Pembelajaran Pengaturan Kendiri pendidikan Islam dan Penghayatan Akhlak Pelajar Sekolah Menengah di Sarawak. Tesis Dr. Fal. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Fariza Md Sham, Siti Rugayah Hj Tibet, Khairul Anwar Mastor, Ahmad Redzuwan Mohd Yunus, Zainab Ismail & Salasiah Hanin Hamjah. 2011. *Laporan Penyelidikan*. Instrumen Pengamalan Ajaran Islam untuk Remaja. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Fauzi Abd Majid. 2003. Pengaruh Persekutuan Keluarga dan Sekolah Terhadap Penghayatan Islam Pelajar: Kajian Kes Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Sri Serdang. Tesis Sarjana. Fakulti Pengajian Islam. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jamayah Hussin. 2011. Pengamalan Ajaran Islam dalam Kalangan Pelajar di Politeknik Ungku Omar, Ipoh. Temu bual, 30 Jun.
- Mohd @ Mohamed Mohamed Zin. 2000. Faktor-faktor yang Mendorong ke atas Penghayatan Islam di Sebuah Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) Teknikal. Disertasi Sarjana. Fakulti Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Azrul Jaafar. 2011. Pengamalan Ajaran Islam dalam Kalangan Pelajar di Politeknik Ungku Omar, Ipoh. Temu bual, 31 Jun.
- Mohd Syukri Mohd Isa. Pengamalan Ajaran Islam dalam Kalangan Pelajar di Politeknik Ungku Omar, Ipoh. Temu bual. 21 Januari.
- Rafidah Ahmad. 2011. Pengamalan Ajaran Islam dalam Kalangan Pelajar di Politeknik Ungku Omar, Ipoh. Temu bual. 20 Januari.
- Ruslinawati Abdul Ghani. 2011. Pengamalan Ajaran Islam dalam Kalangan Pelajar di Politeknik Ungku Omar, Ipoh. Temu bual, 28 Jun.
- Shamsudin Ab Latif. 1990. Kursus Pendidikan Islam di Politeknik Ungku Omar: Satu Tinjauan Kurikulum ke Arah Pencapaian Matlamat. Tesis Sarjana. Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Siti Maryam Mohammad Fadzil. 2011. Pengamalan Ajaran Islam dalam Kalangan Pelajar di Politeknik Ungku Omar, Ipoh. Temu bual, 28 Jun.
- Wan Mohammad Hafiz Wan Mat Resab. 2011. Pengamalan Ajaran Islam dalam Kalangan Pelajar di Politeknik Ungku Omar, Ipoh. Temu bual, 28 Jun.
- Zaharah Hussin. 1997. Keperluan corak penampilan baru buku teks Pendidikan Islam. *Jurnal Pendidikan* 20. Kuala Lumpur.
- Zakiah Daradjat. 1992. *Ilmu Pendidikan Islam*. Jakarta: Bumi Aksara.
- Seri Kartini Jurami
 *Fariza Md Sham
 Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan
 Fakulti Pengajian Islam
 Universiti Kebangsaan Malaysia
 43600 UKM Bangi
 Selangor D.E.
 MALAYSIA
 *farisham@ukm.my